AFTER SALES for IKEA appliances

Please don't hesitate to contact IKEA to:

- make a service request under this warranty;
- ask for clarification on functions of IKEA appliances.

To ensure that we provide you with the best assistance, please read carefully the Assembly Instructions and/or the User Manual before contacting us.

How to reach us if you need our service

The IKEA after sales customer service centre will assist you on the phone with basic trouble shooting for your appliance at the time of service call request. Please see the IKEA catalogue or visit www.ikea.com to find your local store phone number and opening time.

In order to provide you a quicker service, please also always refer to the IKEA article number (8 digit code) placed on the rating plate of your appliance.

SAVE THE SALES RECEIPT!

It is your proof of purchase and required for the warranty to apply. The sales receipt also reports the IKEA name and article number (8 digit code) for each of the appliances you have purchased.

Do you need extra help?

For any additional questions not related to After Sales of your appliances please contact your nearest IKEA store call centre. We recommend you read the appliance documentation carefully before contacting us.

Content

Maklumat keselamatan	29	Penjagaan dan pembersihan	38
Arahan Keselamatan	32	Penyelesaian masalah	39
Keterangan Produk	34	Data teknikal	40
Petunjuk	35	Kebimbangan Alam Sekitar	40
Penggunaan Harian	35	Jaminan IKEA	41
Panduan bekas memasak	37		

Maklumat keselamatan

- ⓘ Untuk keselamatan anda dan pengendalian alat ini yang betul, sila baca buku panduan ini dengan teliti sebelum memasang dan menggunakan alat ini. Simpan arahan ini bersama dengan alat ini pada setiap masa walaupun anda berpindah atau menjualnya. Pengguna mesti benar-benar tahu ciri-ciri pengendalian dan keselamatan alat ini.

Penggunaan yang betul

- Jangan biarkan alat ini tanpa pengawasan semasa pengendalian.
- Alat ini direka khusus untuk penggunaan di rumah.
- Alat ini direka khusus untuk penggunaan dalam bangunan.
- Alat ini tidak boleh digunakan sebagai permukaan kerja atau alas penyimpanan.
- Jangan letakkan atau simpan cecair mudah terbakar, bahan yang sangat mudah terbakar atau objek yang boleh lakur (contohnya, filem plastik, plastik, aluminium) di dalam atau berhampiran dengan alat ini.
- Berhati-hati apabila menyambung alat elektrik ke soket berhampiran. Jangan biarkan wayar sambungan bersentuhan atau tertindih di bawah alat ini atau bekas memasak yang panas.
- Jangan lakukan kerja pembaikan sendiri bagi mencegah kecederaan dan kerosakan kepada alat ini. Sentiasa hubungi kedai IKEA terdekat anda.

Keselamatan kanak-kanak dan orang-orang berisiko

- Alat ini boleh digunakan oleh kanak-kanak berumur 8 tahun dan ke atas, serta orang kurang upaya fizikal, deria atau mental atau orang yang kurang berpengalaman dan berpengetahuan jika mereka diberi pengawasan atau arahan berkenaan dengan penggunaan alat ini secara selamat dan memahami bahaya yang ada.
 - Jauhkan semua pembungkus daripada kanak-kanak. Terdapat risiko lemas.
 - Jauhi kanak-kanak daripada alat ini semasa ia beroperasi dan semasa ia tidak digunakan.
 - Alat ini hendaklah dijauhkan daripada kanak-kanak berumur di bawah 8 tahun melainkan jika diawasi secara berterusan.
 - Kanak-kanak dilarang bermain dengan alat ini. Pembersihan dan penyelenggaraan pengguna tidak boleh dilakukan oleh kanak-kanak tanpa pengawasan.
- ⚠ Amaran!** Aktifkan kunci kanak-kanak untuk mengelakkan anak kecil dan haiwan peliharaan menghidupkan alat dengan tidak sengaja.

Keselamatan am

- Sentiasa pastikan bukaan pengudaraan pada penutup alat atau pada struktur terbina dalam, bebas daripada halangan.
- Jangan sentuh panel apabila penunjuk sisa kepanasan masih menyala untuk mencegah kecederaan.
- Jangan masukkan apa-apa objek ke dalam hob pemanasan semasa pengendalian bagi mencegah kejutan elektrik.
- Jangan lilit kord pada leher bagi mencegah bahaya tercekik.
- Pencuci wap tidak boleh digunakan untuk mencuci alat ini.
- Objek logam seperti pisau, garpu, sudu dan penutup tidak boleh diletakkan di atas permukaan hob kerana ia boleh menjadi panas.

- Selepas menggunakan alat ini, matikan elemen hob menggunakan kawalannya dan jangan bergantung kepada pengesan periuk.
- Alat ini bukan bertujuan untuk dikendalikan menggunakan pemasa luaran atau sistem kawalan jauh yang berasingan.
- Berhati-hati supaya tidak menyentuh elemen pemanas.
- Jika kord bekalan kuasa rosak, ia mesti diganti oleh pengeluar, Pusat Servis Berdaftar atau individu bertauliah yang serupa untuk mengelakkan bahaya. Sila hubungi kedai IKEA yang terdekat.

⚠ AMARAN: Sekiranya permukaan retak, matikan alat ini untuk mengelakkan kemungkinan kejutan elektrik. Sila hubungi kedai IKEA yang terdekat.

⚠ AMARAN: Alat ini dan bahagiannya yang boleh disentuh menjadi panas semasa digunakan.

⚠ AMARAN: Memasak menggunakan lemak atau minyak di atas hob tanpa pengawasan adalah berbahaya dan boleh mengakibatkan kebakaran. JANGAN SEKALI-KALI cuba memadamkan api menggunakan air, sebaliknya matikan alat ini, kemudian tutup api, contohnya dengan penutup atau selimut api.

Arahan Keselamatan

Pemasangan

- Pengilang tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kecederaan terhadap individu dan haiwan peliharaan atau kerosakan terhadap harta benda yang disebabkan oleh kegagalan mematuhi keperluan berikut.

⚠ Peringatan! Untuk meneruskan pemasangan, sila rujuk Maklumat Keselamatan.

⚠ Amaran! Proses pemasangan mesti mematuhi undang-undang, ordinan, arahan dan piawai (undang-undang dan peraturan keselamatan elektrik, kitar semula yang wajar menurut peraturan, dsb.) yang berkuat kuasa di negara alat ini digunakan!

- Elakkan daripada memasang alat ini berhampiran dengan pintu dan di bawah tingkap kerana bekas memasak yang panas boleh terjatuh daripada hob apabila pintu dan tingkap dibuka.
- Pastikan alat ini tidak rosak kerana diangkut. Jangan sambung alat yang rosak.
- Jangan pasang alat ini jika ia rosak semasa diangkut.
- Jangan pasang hob menggunakan kord sambungan dan jangan letakkan hob dengan kord merentasi ruang kerja.
- Jangan ubah spesifikasi atau ubah suai produk ini. Risiko kecederaan dan kerosakan kepada alat ini.

⚠ Amaran! Patuh arahan untuk sambungan elektrik dengan teliti.

Sambungan elektrik

- Sebelum menyambung, periksa voltan nominal alat ini seperti yang dinyatakan pada plat pengedaran adalah sama dengan voltan bekalan yang ada. Periksa juga pengedaran kuasa alat dan pastikan pemasangan elektrik kediaman bersaiz sesuai dengan pengedaran kuasa alat (rujuk bab Data teknikal).

- Plat pengedaran ada di bahagian bawah bingkai hob.

⚠ Amaran! Risiko kecederaan disebabkan arus elektrik.

- Sambungan palam dan soket yang longgar dan tidak sesuai boleh menyebabkan terminal menjadi terlalu panas.

Sebelum Menggunakan Alat Ini:

Sila beri perhatian kepada arahan berikut sebelum menggunakan alat ini.

- Sila gunakan soket bekalan kuasa utama standard dan periksa soket secara tetap bagi mencegah sebarang kerosakan.
- Jangan buka alat oleh diri sendiri atau orang yang tidak layak. Hanya perbaiki alat dengan ejen servis atau juruteknik yang sama kelayakannya.
- Sila periksa kord kuasa dan palam. Jika kord kuasa atau palam rosak, jangan guna alat. Jangan cabut palam dengan tangan basah.
- Jangan gunakan kord kuasa sambungan. Sila gunakan soket bekalan kuasa utama sahaja.
- Jika alat tidak digunakan untuk jangka waktu yang lama, hidupkan alat untuk menstabilkan komponen elektronik selama 10 minit terlebih dahulu. Kemudian anda boleh mula mengendalikan alat.
- Jangan gunakan alat ini berhampiran dengan air, api atau di kawasan lembab. Alat ini dimaksudkan untuk digunakan di rumah tertutup SAHAJA.
- Keluarkan semua pembungkusan, pelekat dan lapisan keluarkan alat sebelum penggunaan pertama.
- Padamkan zon memasak selepas setiap kali menggunakannya dengan alat kawalannya dan jangan bergantung pada pengesan periuk.
- Risiko melecurl! Jangan letakkan objek yang diperbuat daripada logam, seperti pisau, garpu, sudu dan penutup periuk di atas permukaan untuk memasak, kerana ia boleh menjadi panas.

⚠ Amaran! Bahaya kebakaran! Lemak dan minyak yang terlalu panas boleh menyala dengan sangat pantas.

⚠ Amaran! Pengguna yang memakai perentak jantung hendaklah menjarakkan badan mereka sekurang-kurangnya 30 sm dari zon memasak pemanasan yang dihidupkan.

⚠ Amaran! Jangan mengendalikan alat ini dengan tangan yang basah dan permukaan panel kawalan mesti sentiasa kering. Air yang banyak pada kekunci panel kawalan akan merosakkannya.

⚠ Amaran! Jika permukaan retak, matikan alat ini bagi mengelakkan kemungkinan kejutan elektrik.

Semasa & Selepas menggunakan:

Sila beri perhatian kepada arahan berikut bagi mencegah kebakaran dan kemalangan.

- Sila letakkan alat di permukaan rata dan keras SAHAJA.
- Kanak-kanak perlu diawasi untuk memastikan bahawa mereka tidak bermain dengan alat.
- Jangan letakkan objek berikut di atas panel semasa alat beroperasi.
 - a) Keluli tahan karat
 - b) Besi
 - c) Besi tuang
 - d) Aluminium
 - e) Penutup dan enamel
 - f) Pisau, sudu atau garpu
 - g) Pinggan yang diperbuat daripada besi, keluli tahan karat, besi tuang atau aluminium
 - h) Bekas memasak yang kosong
- Jangan bawa atau alihkan alat dengan alat memasak di atasnya semasa memanaskan.
- Sila kekalkan persekitaran dengan pengudaraan yang baik semasa memanaskan.
- Jangan masukkan sebarang wayar atau logam ke dalam saluran masuk atau keluar udara alat.
- Cara menjaga panel
 - a) Jangan jatuhkan apa-apa objek berat ke atas panel.
 - b) Jangan tuang air, asid atau apa-apa jenis cecair ke atas panel.
 - c) Jangan bakar apa-apa dengan api di atas panel.
 - d) Jangan letakkan bekas memasak panas di atas semasa alat tidak digunakan.
 - e) Sekiranya permukaan (panel) retak, matikan alat dengan segera untuk mengelakkan kejutan elektrik dan kembali ke kedai IKEA terdekat.
 - f) Beberapa jenis bekas memasak mungkin mengeluarkan bunyi semasa digunakan. Sila alihkan sedikit bekas memasak dan bunyi mungkin hilang atau kurang. Jika tidak, sila tukar bekas memasak.

- Jangan letakkan alat di atas permaidani, kain atau bahan kertas semasa alat beroperasi.
- Jangan sentuh panel semasa ia panas. Panel masih panas sehingga penunjuk sisa kepanasan dipadamkan, walaupun kuasa sudah dimatikan.
- Jangan cabut palam alat dengan menarik kabel.
- Matikan alat dan biarkan sejuk sebelum mencabut palam. Cabut kord kuasa apabila alat tidak akan digunakan dalam jangka masa yang lama.
- Jauhkan bekas memasak daripada alat setelah digunakan.

Cara mengelakkan alat ini daripada rosak


- Seramik kaca boleh dirosakkan oleh objek yang terjatuh ke atasnya atau dihantuk oleh bekas memasak.
- Bekas memasak yang diperbuat daripada besi tuang, aluminium tuang atau dengan bahagian dasarnya yang rosak boleh menggores seramik kaca jika ia digerakkan di atas permukaannya.
- Seramik kaca juga boleh rosak jika ia terjatuh ke atas lantai.
- Untuk mengelakkan bekas memasak dan seramik kaca daripada rosak, jangan biarkan periuk atau kualiti dipanaskan sehingga kering.
- Jangan gunakan zon memasak dengan bekas memasak yang kosong atau tanpa bekas memasak.
- Jangan alas mana-mana bahagian alat ini dengan kertas aluminium. Jangan letakkan bahan plastik atau lain-lain bahan yang boleh cair ke dalam atau di atas alat ini.

⚠ Amaran! Biarkan produk ini bersambung ke soket kuasa selepas menggunakannya sehingga kipas dan penunjuk kepanasan dimatikan.

Maklumat tentang akrilamida

Penting! Menurut maklumat saintifik terkini, makanan yang terlalu garing, terutamanya produk yang mengandungi kanji, boleh menjadi risiko kesihatan disebabkan oleh akrilamida. Oleh itu, kami menyarankan supaya memasak makanan pada suhu yang serendah mungkin dan jangan memasak makanan terlalu garing.

Keterangan Produk



1 Kawasan memanas

Zon memasak 150 mm, 2000 W


2 Panel kawalan

3 Kaki silikon

4 Saluran udara keluar

5 Saluran udara masuk

6 Penyangkuk



Susun atur panel kawalan

- 1** Hidup/Mati
- 2** Paparan aras kuasa
- 3** Fungsi goreng
- 4** Kunci/Kunci kanak-kanak
- 5** Tetapan aras kuasa -/+

Medan dan paparan sensor Kawalan Sentuh

Anda mengendalikan hob dengan menyentuh medan sensor. Paparan dan isyarat akustik (bunyi bip pendek) mengesahkan pemilihan fungsi.

Aras Kuasa	1	2	3	4	5	6	7	8	9
Kuasa	150 W	300 W	600 W	900 W	1100 W	1300 W	1500 W	1700 W	2000 W

Petunjuk

⚠ Periuik tidak diletakkan dengan betul atau hilang

Simbol ini muncul jika periuik tidak sesuai untuk memasak induksi, tidak diletakkan dengan betul atau tidak bersaiz sesuai untuk zon memasak yang dipilih. Jika tidak ada periuik yang dikesan dalam 30 saat dari pemilihan, zon memasak akan dimatikan.

H Sisa haba

Sekiranya paparan menunjukkan "H", zon memasak masih panas. Apabila zon memasak sejuk, paparan padam.

⚠ Amaran! Risiko melecur disebabkan oleh sisa kepanasan!

Selepas anda mematikan alat ini, zon memasak memerlukan sedikit masa untuk sejuk. Lihat penunjuk sisa kepanasan **H**.

Gunakan sisa kepanasan untuk mencair dan mengekalkan kepanasan makanan. Jangan buka sambungan produk tanpa menunggu **H** hilang daripada paparan.

Penggunaan Harian



Menyambung ke soket

1. Kunci kanak-kanak akan diaktifkan selepas menyambung palam ke bekalan utama. Tekan kekunci Kunci Kanak-Kanak selama 3 saat untuk menyahaktif.

HIDUP/MATI

1. Tekan kekunci HIDUP/MATI. Skrin akan memaparkan "00" seperti dalam mod tunggu sedia dan lampu penunjuk kuasa akan menyala. Sekiranya tidak ada tetapan panas yang dipilih dalam 30 saat, hob akan mati secara automatik tanpa menekan kekunci HIDUP/MATI.

2. Tekan kekunci HIDUP/MATI semasa pengendalian dan hob akan dimatikan.



Tetapan aras kuasa

1. Tekan — atau + untuk mengawal aras kuasa semasa operasi.
2. Tekan —, aras kuasa akan terus pergi ke "2000". Tekan untuk mengurangkan aras kuasa daripada "2000" kepada "150".
3. Tekan +, aras kuasa akan meningkat daripada "150". Tekan untuk meningkatkan aras kuasa daripada "150" kepada "2000".



Fungsi goreng

Hob boleh mencapai output kuasa maksimum dengan segera dengan menekan kekunci fungsi goreng.

1. Apabila hob dalam mod pemanasan biasa, tekan kekunci fungsi Goreng, penunjuk akan menyala dan memaparkan "HI". Ini bermaksud hob dalam fungsi goreng dan akan panas pada aras kuasa maksimum. Dalam mod fungsi goreng, anda tidak boleh melaraskan aras kuasa dengan menekan — atau +.
2. Apabila hob dalam mod fungsi goreng, tekan kekunci fungsi Goreng, penunjuk akan padam dan memaparkan aras kuasa sebelumnya yang dijelaskan dalam W. Ini bermaksud hob kembali ke tetapan mod pemanasan biasa oleh anda.



Fungsi kunci

Semasa zon memasak beroperasi, anda boleh mengunci panel kawalan, misalnya untuk membersihkan hob. Ia menghalang perubahan tidak disengajakan terhadap tetapan aras kuasa. Hob masih boleh dimatikan menggunakan kekunci HIDUP/MATI.

Aktifkan kunci

1. Tetapkan aras kuasa.
2. Tekan kekunci Kunci selama 3 saat. Fungsi diaktifkan apabila petunjuk kekunci Kunci menyala dan berbunyi.

Nyahaktifkan kunci

1. Tekan kekunci Kunci selama 3 saat. Fungsi dinyahaktifkan apabila petunjuk kekunci Kunci padam dan berbunyi.
2. Aras kuasa akan kembali kepada tetapan sebelumnya.

Fungsi kunci kanak-kanak

Anda juga boleh mengunci panel kawalan apabila hob tidak beroperasi. Fungsi ini mencegah pengendalian alat ini secara tidak sengaja.

Aktifkan kunci kanak-kanak

1. Aktifkan alat ini menggunakan kekunci HIDUP/MATI. Jangan menetapkan apa-apa aras kuasa.
2. Tekan kekunci Kunci selama 3 saat. Fungsi diaktifkan apabila petunjuk kekunci Kunci menyala dan berbunyi.
3. Nyahaktifkan alat ini menggunakan kekunci HIDUP/MATI.

Nyahaktifkan kunci kanak-kanak

1. Tekan kekunci Kunci selama 3 saat. Fungsi dinyahaktifkan apabila petunjuk kekunci Kunci padam dan berbunyi.

Pemhatian Automatik

Fungsi ini mematikan hob secara automatik sekiranya:


- Semua zon memasak dimatikan.
- ANDA jangan menetapkan aras kuasa selepas membuka hob dalam 30 saat.
- ANDA jangan menutup zon memasak atau anda jangan mengubah aras kuasa selepas 2 jam atau jika berlaku terlalu panas (cth apabila kualiti mendidih kering).

Panduan bekas memasak

Periuk apa untuk digunakan

Hanya gunakan periuk dan kualiti dengan bahagian bawah yang dibuat daripada bahan feromagnetik yang sesuai digunakan dengan hob induksi:

- besi tuang
- keluli bertapis
- keluli karbon
- keluli tahan karat (walaupun tidak semua)
- aluminium dengan lapisan feromagnetik atau plat feromagnetik

Untuk menentukan jika periuk atau kualiti sesuai, lihat simbol  (selalunya dicop pada bahagian bawah). Anda juga boleh meletak magnet pada bahagian bawah. Sekiranya ia melekat di bahagian bawah, bekas memasak akan berfungsi pada hob induksi.

Untuk memastikan kecekapan optimum, sentiasa gunakan periuk dan kualiti dengan bahagian bawah rata yang mengagihkan haba secara rata. Sekiranya bahagian bawahnya tidak rata, ini akan mempengaruhi konduksi kuasa dan haba.

Cara untuk menggunakan

Diameter minimum bawah periuk/kualiti untuk kawasan memasak yang berbeza

Untuk memastikan bahawa hob berfungsi dengan baik, periuk menutup satu atau lebih titik rujukan yang ditunjukkan pada permukaan hob dan mestilah dengan diameter minimum yang sesuai.

Sentiasa gunakan zon memasak yang paling sesuai dengan diameter bahagian bawah kualiti.

Zon memasak	Diameter bekas memasak yang disyorkan [mm]
Zon memasak belakang-tengah	120-200

Periuk/kualiti kosong atau nipis

Jangan gunakan periuk/kualiti kosong atau nipis di atas hob kerana ia tidak akan dapat memantau suhu atau mati secara automatik jika suhu terlalu tinggi, merosakkan kualiti atau permukaan hob. Sekiranya ini berlaku, jangan sentuh apa-apa dan tunggu sehingga semua komponen menjadi sejuk.

Jika pesan ralat muncul, lihat "Penyelesaian Masalah".

Petua/Tip

Bunyi bising semasa memasak

Apabila zon memasak aktif, ia mungkin berbunyi sebentar. Ini adalah ciri semua zon memasak kaca seramik dan tidak merosakkan fungsi atau hayat alat. Kebisingan bergantung pada bekas memasak yang digunakan. Sekiranya ia menyebabkan gangguan yang besar, boleh tukar bekas memasak.

Penjagaan dan pembersihan

⚠ Amaran! Matikan alat ini dan biarkannya sejuk sebelum membuka sambungannya.

⚠ Amaran! Matikan alat ini dan biarkannya sejuk sebelum anda mencucinya.

⚠ Amaran! Atas sebab keselamatan, jangan cuci alat ini menggunakan penembak stim atau pencuci tekanan tinggi.







⚠ Amaran! Objek tajam dan agen pencuci yang melelas akan merosakkan alat ini. Cuci alat ini dan bersihkan sisa menggunakan air dan cecair pencuci selepas setiap kali ia digunakan. Bersihkan juga saki-baki agen pencuci!

i Calar atau tompok hitam pada seramik kaca yang tidak dapat dihilangkan tidak akan menjejaskan kefungsiannya alat ini.

Menghilangkan sisa dan saki-baki degil:


- Sisa makanan yang mengandungi gula, plastik, kertas timah hendaklah dibersihkan dengan segera. Alat yang paling baik untuk membersihkan permukaan kaca ialah pengikis (tidak disertakan bersama alat ini). Letakkan pengikis di atas permukaan seramik kaca pada suatu sudut dan bersihkan sisa dengan menggerakkan mata pengikis di atas permukaan. Lap alat ini dengan kain lembab dan sedikit cecair pencuci. Akhir sekali, lap kering alat ini menggunakan kain yang bersih.
- Kesan sisik kapur, kesan air, percikan lemak, pengubahan warna berlogam dan berkilat hendaklah dibersihkan selepas alat ini sejuk menggunakan pencuci untuk seramik kaca atau keluli tahan karat.

Penyelesaian masalah

Masalah	Kemungkinan Penyebab	Penyelesaian
Alat tidak berfungsi.	Kekurangan bekalan kuasa atau litar pintas dalam punca kuasa rumah anda.	
	Sambungan kuasa ke soket tidak dilakukan dengan betul.	Periksa bekalan kuasa ke hob untuk sambungan yang betul.
	Lebih 10 saat berlalu semenjak alat dihidupkan.	Hidupkan semula alat.
	Kunci kanak-kanak dihidupkan.	Nyahaktifkan kunci Kanak-kanak. (Sila lihat bahagian "Peranti keselamatan kanak-kanak").
Alat berhenti beroperasi. Petunjuk ralat:  → 	Bezas memasak tidak sesuai untuk induksi.	Bertukar kepada bezas memasak yang sesuai untuk pemanasan.
	Tiada bezas memasak di zon memasak atau diameter bezas memasak kurang daripada 120 mm.	Letakkan bezas memasak di zon memasak.
Alat berhenti beroperasi. Petunjuk ralat: 	Bezas memasak kosong (dipanaskan sehingga kering) atau suhu memasak terlalu tinggi.	Matikan alat dan mulakan semula selepas 5 minit. Jika E2 masih berlaku, sila hubungi kedai IKEA terdekat.
	Saluran udara masuk dan keluar tersumbat.	
	Suhu sekeliling terlalu tinggi.	
Alat berhenti beroperasi. Petunjuk ralat: 	Bekalan kuasa utama melebihi AC 275V.	Tukar kepada bekalan kuasa yang sesuai dengan produk.
Alat berhenti beroperasi. Petunjuk ralat: 	Bekalan kuasa utama lebih rendah daripada AC 100V.	Tukar kepada bekalan kuasa yang sesuai dengan produk.
Alat berhenti beroperasi. Petunjuk ralat: 	Sensor suhu alat tidak berfungsi.	Sila hubungi kedai IKEA yang terdekat.
Alat berhenti beroperasi. Petunjuk ralat: 	Bezas memasak kosong (dipanaskan sehingga kering) atau suhu memasak terlalu tinggi.	Biarkan alat sejuk dan elakkan pendidihan kering.
Alat berhenti beroperasi. Petunjuk ralat: 	Pengecualian dalaman	Matikan alat dan mulakan semula selepas 5 minit. Sekiranya E0 berterusan, sila hubungi kedai IKEA terdekat.

Kod ralat menunjukkan ketika hob dihidupkan dan ralat dikesan. E dan nombor dipaparkan sekejap (1 saat).

Sekiranya terdapat kerosakan, cubalah menyelesaikannya dengan mengikuti panduan penyelesaian masalah. Sekiranya masalah tidak dapat diselesaikan, hubungi kedai IKEA terdekat anda.


 Jika anda mengendalikan alat ini dalam cara yang salah dan mengakibatkan kerosakan produk, maka pengedar mungkin tidak membaiki produk ini secara percuma, walaupun dalam tempoh jaminan.


Data teknikal

Kuasa Terkadar	2000 W
Voltan Terkadar	220-240V~
Frekuensi Terkadar	50-60 Hz
Dalam	305 mm
Lebar	270 mm
Tinggi	62 mm
Berat Bersih	2.4 kg

Kebimbangan Alam Sekitar


Pelupusan alat rumah

Simbol  pada produk atau pada pembungkusannya menunjukkan produk ini tidak boleh diperlakukan sebagai sisa isi rumah. Sebaliknya, ia hendaklah dibawa ke tempat pengumpulan yang sesuai untuk mengitar semula peralatan elektrik dan elektronik. Dengan memastikan produk ini dilupuskan dengan betul, anda akan membantu mencegah kemungkinan akibat yang negatif kepada alam sekitar dan kesihatan manusia, yang sebaliknya boleh diakibatkan oleh pengendalian sisa produk ini yang tidak wajar. Untuk maklumat yang lebih terperinci tentang mengitar semula produk ini, sila hubungi majlis perbandaran di tempat anda, perkhidmatan pelupusan sisa isi rumah atau kedai tempat anda membeli produk ini.

 **Amaran!** Lakukan langkah-langkah ini untuk melupuskan alat:

- Buka palam utama daripada soket utama.
- Potong wayar utama dan buangnya.

Pelupusan bahan pembungkusan

Bahan dengan simbol  boleh dikitar semula. Lupuskan pembungkusan di dalam bekas pungutan yang sesuai untuk mengitarkannya semula.

Penjimatan tenaga

- Jika boleh, selalu gunakan penutup periuk.
- Letakkan bekas memasak di zon memasak sebelum anda menghidupkannya.
- Dasar bekas memasak hendaklah setebal dan serata yang mungkin

Jaminan IKEA

Berapa lamakah jaminan IKEA sah?

Jaminan ini sah selama dua (2) tahun dari tarikh asal pembelian perkakas anda di IKEA. Resit jualan yang asal diperlukan sebagai bukti pembelian. Sekiranya kerja servis dilakukan di bawah jaminan, ini tidak akan memanjangkan tempoh jaminan untuk perkakas.

Siapakah yang akan menjalankan servis?

Hubungi kedai IKEA yang terdekat.

Apakah yang dirangkumi oleh jaminan ini?

Jaminan ini merangkumi kerosakan alat, yang disebabkan oleh pembinaan yang tidak betul atau kerosakan bahan dari tarikh pembelian daripada IKEA. Jaminan ini hanya untuk kegunaan rumah sahaja. Pengecualian dinyatakan di bawah tajuk "Apakah yang tidak dirangkumi oleh jaminan ini?" Dalam tempoh jaminan, kos membaiki kerosakan, contohnya pembaikan, alat ganti, buruh dan perjalanan akan ditanggung, dengan syarat alat ini boleh dibaiki tanpa perbelanjaan khas. Bahagian yang diganti akan menjadi hak milik IKEA.

Apakah yang akan IKEA lakukan untuk membetulkan masalah?

IKEA akan memeriksa produk dan menentukan menurut budi bicaranya semata-mata, sekiranya ia dirangkumi oleh jaminan ini. Jika ia dianggap terangkum, menurut budi bicaranya semata-mata, IKEA akan membaiki produk yang rosak atau menggantikannya dengan produk yang sama atau setara.

Apakah yang tidak dirangkumi oleh jaminan ini?

- Haus dan lusuh yang biasa.
- Kerosakan yang disengajakan atau cuai, kerosakan disebabkan oleh kegagalan mematuhi arahan pengendalian, pemasangan yang tidak betul atau menyambung ke voltan yang salah, kerosakan disebabkan oleh tindak balas bahan kimia atau elektrokimia, karat, kakisan atau kerosakan air termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan yang disebabkan oleh terlebih batu kapur dalam bekalan air, kerosakan yang disebabkan oleh ketidaknormalan keadaan persekitaran.
- Bahagian guna habis termasuk bateri dan lampu.

- Bahagian tidak berfungsi dan hiasan yang tidak menjejaskan penggunaan alat yang biasa, termasuk apa-apa calar dan kemungkinan perubahan warna.
- Kerosakan yang tidak disengajakan yang disebabkan oleh objek atau bahan asing, serta membersihkan dan membuang halangan penapis, sistem saliran atau laci sabun.
- Kerosakan pada bahagian berikut: kaca seramik, aksesori, pinggan mangkuk dan bakul kutleri, paip suapan dan saliran, pagedap, lampu dan penutup lampu, skrin, tombol, kelongsong dan bahagian kelongsong. Melainkan kerosakan sedemikian boleh dibuktikan disebabkan oleh kesiapan pengeluaran.
- Pembaikan tidak dilakukan oleh penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami dan/ atau rakan kongsi kontrak perkhidmatan yang sah atau alat ganti tidak tulen digunakan.
- Pembaikan yang disebabkan oleh pemasangan yang tidak betul atau tidak mengikut spesifikasi.
- Penggunaan alat ini dalam persekitaran bukan rumah, iaitu kegunaan profesional.
- Kerosakan disebabkan oleh pengangkutan. Jika pelanggan mengangkut produk ini ke rumahnya atau ke alamat yang lain, IKEA tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan yang mungkin berlaku semasa ia diangkut. Akan tetapi, jika IKEA menghantar produk ini ke alamat penghantaran pelanggan, maka kerosakan kepada produk yang berlaku semasa penghantaran ini akan ditanggung oleh IKEA.
- Kos melakukan pemasangan permulaan alat IKEA. Akan tetapi, jika Penyedia Perkhidmatan yang dilantik IKEA atau rakan kongsi perkhidmatannya yang sah membaiki atau menggantikan alat ini di bawah terma jaminan ini, Penyedia Perkhidmatan yang dilantik atau rakan kongsi perkhidmatannya yang sah akan memasang semula alat yang dibaiki atau memasang gantinya, jika perlu.

Bagaimana undang-undang negara diguna pakai

Jaminan IKEA memberi anda hak undang-undang yang khusus, yang merangkumi atau melebihi semua tuntutan undang-undang tempatan. Namun begitu, syarat-syarat ini tidak menahkakan dalam apa cara hak pengguna yang diterangkan dalam undang-undang tempatan.

Kawasan kesahan

Jaminan ini hanya sah di negara tempat produk tersebut dibeli; perkhidmatan akan diberikan dalam rangka kerja syarat jaminan.

Kewajipan untuk melaksanakan perkhidmatan dalam rangka kerja jaminan wujud hanya sekiranya alat ini mematuhi dan dipasang menurut:

- Spesifikasi teknikal negara tempat tuntutan jaminan dibuat;
- Arahan Pemasangan dan Maklumat Keselamatan Buku Panduan Pengguna.

SELEPAS JUALAN untuk alat IKEA

Sila jangan teragak-agak untuk menghubungi IKEA untuk:

- membuat permohonan perkhidmatan di bawah jaminan ini;
- meminta penjelasan tentang fungsi alat IKEA.

Untuk memastikan kami memberikan anda bantuan yang terbaik, sila baca dengan teliti Arahan Pemasangan dan/atau Buku Panduan Pengguna sebelum menghubungi kami.

Cara untuk menghubungi kami jika anda memerlukan perkhidmatan



Pusat perkhidmatan pelanggan selepas jualan IKEA akan membantu anda melalui telefon untuk penyelesaian masalah asas bagi alat anda pada masa panggilan permohonan perkhidmatan. Sila lihat katalog IKEA atau layari www.ikea.com untuk mendapatkan nombor telefon kedai di tempat anda dan waktu operasi.

Bagi memberikan anda perkhidmatan yang lebih cepat, sila rujuk kepada nombor artikel IKEA (kod 8 digit) yang diletakkan pada plat pengedaran alat anda.

SIMPAN RESIT JUALAN!

Ia merupakan bukti pembelian anda dan diperlukan untuk jaminan menjadi sah. Resit jualan juga menyatakan nama IKEA dan nombor artikel IKEA (kod 8 digit) untuk setiap alat yang anda beli.

Adakah anda memerlukan bantuan lanjut?

Untuk sebarang soalan lain yang tidak berkaitan dengan Selepas Jualan alat anda, sila hubungi pusat panggilan kedai IKEA yang terdekat. Kami menyarankan supaya anda membaca dokumen alat ini dengan teliti sebelum menghubungi kami.

